



PP00002280

DENGAN DISAHKAN PELAJAR

ABDUL HALIM BIN YUSOF
88651050

DARI KURSUS DIPLOMA SENIBINA TELAH MENGHANTAR 'FINAL
STUDY' YANG BERTAJUK "SENI DAN KRAF ORANG-ORANG ASLI"
PADA 26 FEBRUARI 1993 KEPADA PENASIHAT 'FINAL STUDY'
ENCIK AMRAN BIN ABDUL RAHMAN

DISAHKAN OLEH:-

Amran a. Rahman
26 - 2 - 93

0.00	PENGHARGAAN
0.01	SENARAI ISI KANDUNGAN
0.02	SENARAI LAKARAN
1.00	SINOPSIS
2.00	PENGENALAN
2.01	DEFINASI
2.02	SEJARAH
2.03	ADAT
2.04	AKTIVITI
2.05	BAHASA
2.06	RUMAH KEDIAMAN TRADISIONAL
3.00	PENGENALAN SENI DAN KRAF
3.01	ALAT-ALAT MEMBURU
3.02	PERKAKAS DAPUR
3.03	PERHIASAN
3.04	ALAT-ALAT MUZIK
3.05	KRAFTANGAN
4.00	PERHUBUNGAN DARAT DAN AIR
5.00	KESIMPULAN
6.00	SUMBER-SUMBER RUJUKAN

A. Objektif

1. Sifat ingin tahu bagaimana manusia menggunakan alam sekitar untuk hidup dan mengaitkan unsur-unsur luar yang bercorak objektif dan subjektif untuk mencapai keselesaan yang mereka inginkan juga dengan pergantungan kepada alam persekitaran yang semulajadi.
2. Untuk menghayati secara 'life' tentang prinsip, adat resam serta budaya yang mereka amalkan dan hubungkaitnya dengan senibina.
3. Hasrat yang mendalam untuk menyingkap rahsia masyarakat pribumi yang boleh dikatakan terawal di Semenanjung Tanah Melayu.
4. Kurangnya penonjolan oleh media elektronik dan media cetak tempatan berkaitan dengan keistimewaan kaum ini dari sudut persejarahan dan persekitaran.

PENGENALAN

Orang Asli adalah merupakan penduduk awal Tanah Melayu. Jumlah penduduk Orang Asli mengikut perangkaan penduduk pada tahun 1987 dianggarkan seramai 69,000 orang.

Mereka boleh ditemui di seluruh Semenanjung dan sempadan Malaysia/Thai hingga ke Selat Johor di Selatan. Anggapan semua Orang Asli tinggal di hutan belantara adalah tidak benar sama sekali. Kebanyakannya dari mereka memang tinggal di hutan belantara dan di tanah-tanah tinggi di antara 2,000 hingga 6,000 kaki dari paras laut, tetapi 40% daripada mereka sebenarnya tinggal di tanah-tanah rendah dan di persisiran pantai.

Mereka juga boleh ditemui di pinggir-pinggir kampung Orang-orang Melayu di sepanjang Pantai Barat Semenanjung. Terdapat juga beberapa kampung Orang Asli di persisiran pantai Selangor, Johor dan Pahang.

Secara tradisi, Orang Asli hidup secara berkumpulan yang terdiri dari 10 hingga 50 kelamin. Walaupun sebahagian daripada mereka masih hidup secara berpindah-randah, kebanyakannya 80-90% sudahpun menetap di kampung-kampung seperti Orang Melayu.

DEFINASI

Menurut P.W. Schmit seorang penyelidik barat, Orang Asli boleh didefinisikan sebagai orang atau suku bangsa yang terawal di negara kita. Perkataan Orang Asli telah

digunakan untuk menghapuskan dan menukar penggunaan perkataan 'Sakai' yang membawa maksud 'Hamba' yang mempunyai unsur-unsur penghinaan.

Dari segi undang-undang, kedudukan Orang Asli diterangkan dalam Aboriginal Peoples (Amendment) Act 1967, akta tersebut menyatakan siapa sebenarnya Orang Asli dan siapakah yang bertanggungjawab atas kebijakan, pentadbiran dan kemajuan serta polisi-polisi Kerajaan mengenai perkara-perkara tersebut. Aboriginal Peoples (Amendment) Act 1967 adalah:-

- (a) Barang siapa yang mempunyai bapa yang berketurunan dari salah satu daripada suku Orang Asli, bertutur dalam bahasa Orang Asli dan mengikut cara-cara hidup Orang Asli, kebudayaan dan kepercayaannya serta termasuk dalam generasi yang terdiri daripada kaum lelaki dari orang-orang berkenaan.
- (b) Barang siapa yang berketurunan bangsa lain yang telah menjadikan anak angkat semasa kecil atau semasa bagi oleh Orang-orang Asli mengikut cara hidup Orang Asli, cara kebudayaan dan kepercayaannya serta seseorang itu merupakan salah seorang ahli masyarakat Orang Asli.